

PM gesa Melayu hormati pentingnya kerjasama dengan kaum2 lain

KUALA LUMPUR 27 April — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menggesa masyarakat Melayu khususnya ahli-ahli UMNO supaya menghormati dan merasa insaf terhadap pentingnya semangat kerjasama dengan kaum lain bagi menjamin kesejahteraan negara.

Katanya, sikap terlalu mementingkan diri dan kaum sendiri haruslah dikikis segera ke arah mewujudkan perpaduan yang kukuh bagi kepentingan rakyat Malaysia untuk jangka masa yang berpanjangan.

Presiden UMNO itu yang juga Pengerusi Barisan Nasional menegaskan, Malaysia telah berjaya membuktikan kepada dunia bahawa melalui semangat perpaduan dan persefahaman rakyatnya dapat melahirkan sebuah negara yang makmur dan dihormati.

“Hanya melalui semangat perpaduan juga kita berjaya mencapai kemerdekaan, kembali menjadi bangsa yang bermaruah dan mula dihormati,” tegasnya semasa berucap merasmikan persidangan perwakilan UMNO bahagian Kepung pagi ini.

Tegas Perdana Menteri, semasa Tanah Melayu menuntut kemerdekaan dari penjajah dan golongan-golongan tertentu tidak yakin negara ini akan mencapai kemakmuran sebaliknya menjangkakan akan berlaku kekecohan.

“Tetapi kerana semangat perpaduan, misalnya pakatan antara UMNO dan MCA dalam pilihanraya pertama Majlis Perbandaran Kuala Lumpur, ternyata menjadi senjata kepada usaha untuk terus mengekalkan kemakmuran yang ada,” ujar beliau.